

UMNO Kelantan diarah lawat 14 bahagian dua minggu sekali

UM - 3 FEB 2003

KOTA BHARU 2 Feb. — Semua anggota Badan Perhubungan UMNO Kelantan dikehendaki melawat setiap bahagian di negeri ini dua minggu sekali bagi meninjau persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Mustapa Mohamed berkata, lawatan yang akan dilakukan secara bergilir-gilir ke 14 bahagian di Kelantan akan dimulakan dengan Bahagian Kota Bharu pada 7 Mac ini.

“Lawatan ini akan membolehkan kita mengetahui apa yang harus dilakukan bagi memantapkan lagi jentera pilihan raya parti di peringkat bahagian.

“Langkah ini juga adalah bagi memberi semangat kepada ahli dan penyokong UMNO tentang perubahan yang telah berlaku di Kelantan,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di sini hari ini.

Ia adalah mesyuarat yang pertama diadakan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad mengumumkan rombakan badan perhubungan berkenaan pada 16 Januari lalu yang menyaksikan pelantikan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan negeri yang baru menggantikan Datuk Annuar Musa.

Rombakan tersebut turut melibatkan jawatan setiausaha, bendahari dan ketua penerangan.

Beliau berkata, lawatan ke bahagian yang akan diadakan pada Jumaat, iaitu cuti mingguan di Kelantan, akan dimulai dengan majlis makan tengah hari di rumah ketua bahagian dan sembahyang Jumaat secara beramai-ramai di masjid.

“Selepas itu, kita akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin di semua peringkat bahagian terbabit dan kemudian diikuti dengan majlis ceramah pada sebelah malam,” ujarnya.

Menurut beliau, mesyuarat hari ini juga membuat keputusan supaya dipertingkatkan program bagi memantapkan perpaduan di kalangan ahli UMNO.

“Kita juga akan menganjurkan lebih banyak program bersifat mesra rakyat bagi membolehkan kita berdamping lebih rapat dengan orang ramai di peringkat akar umbi.

“Kita sedar bahawa rakyat Kelantan meletak harapan yang tinggi terhadap barisan kepimpinan UMNO yang baru, jadi kita berjanji untuk tidak mengahampakan harapan mereka,” tegasnya.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, mesyuarat juga membuat keputusan supaya diadakan lebih banyak program bersama-sama parti komponen Barisan Nasional (BN) lain yang bertujuan memperatkan hubungan dengan pengundi bukan Melayu.

“Walaupun bukan Melayu hanya mewakili enam peratus daripada penduduk Kelantan, kita tetap akan memberi tumpuan kepada golongan ini kerana mereka boleh memainkan peranan penting bagi memastikan kemenangan BN,” ujarnya.